

NO. SOALAN: 573

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Sabah dan Sarawak merupakan rakan kongsi bersama dengan Semenanjung Malaysia di Persekutuan Malaysia dan adakah model autonomi yang akan dilaksanakan di Scotland sesuai diguna pakai dalam konteks ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sabah dan Sarawak adalah salah sebuah Negeri di dalam Persekutuan Malaysia. Ini jelas termaktub dalam Fasal (1) dan Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti yang berikut:

“1. (1) Persekutuan dinamai Malaysia dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris.

(2) Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.”

2. Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani pada 9 Julai 1963 secara jelas menetapkan obligasi pihak-pihak untuk mengambil tindakan perundangan, eksekutif dan tindakan lain bagi mengadakan peruntukan bagi maksud menjamin dan melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak.

2. Sehubungan itu, pelaksanaan Perjanjian Malaysia telah dibuat melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang berkaitan. Antara peruntukan yang dibuat dalam

Perlembagaan Persekutuan termasuklah peruntukan khas bagi menjamin kepentingan Sabah dan Sarawak berhubung dengan perkara tanah, peruntukan mengenai kedudukan istimewa anak negeri di Sabah dan Sarawak dalam perkara berkaitan perizinan jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, danasiswa, keistimewaan pendidikan atau latihan, pemberian permit dan lesen perdagangan atau perniagaan, bilangan tempat dalam universiti, kolej dan institusi pendidikan, dan sekatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan kepada sesuatu negeri untuk meminjam tidak terpakai kepada Sabah dan Sarawak.

3. Kesemua peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan lebih autonomi dan kedudukan yang istimewa kepada Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh Kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sabah atau Negeri Sarawak jika pindaan itu ialah yang akan menyentuh perjalanan kuat kuasa Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan perkara-perkara yang melibatkan antara lain, hak rakyat Sabah dan Sarawak untuk menjadi warganegara, keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak, agama dan penggunaan apa-apa Bahasa di dalam Negeri Sabah dan Sarawak serta kuota ahli Dewan Rakyat yang diperuntukkan untuk Negeri Sabah dan Sarawak.

4. Sehubungan dengan itu, konsep yang diamalkan kini yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan telah berjaya

membangunkan serta memakmurkan negara dengan acuan kita yang tersendiri. Ini kerana, Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai etnik dan suku, mempunyai kepelbagaian budaya serta latar hidup, yang mungkin tidak sama, malah turut berbeza, dengan negara-negara lain di dunia ini.

5. Kerajaan Persekutuan tidak pernah sesekali mengabaikan, malah sentiasa menitikberatkan pembangunan dan kemajuan di Sabah dan Sarawak, yang meliputi pelbagai bidang serta sektor, seperti mana di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) pelan dan langkah awal bagi mengatasi masalah kekurangan guru tempatan di Sarawak; dan
- (b) peratus mengikut kaum pengambilan guru di Sarawak sehingga tahun 2014.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Secara prinsipnya, Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa memberi keutamaan bagi menempatkan guru kelahiran dari negeri Sarawak untuk mengisi kekosongan jawatan di negeri tersebut.

KPM akan menempatkan guru yang berasal dari Sarawak berdasarkan bekalan guru yang diterima ke negeri asal mereka bagi mengatasi kekurangan guru tempatan di Sarawak. Di samping itu, keutamaan juga diberikan kepada kelulusan pertukaran guru asal Sarawak yang mohon bertukar dari Semenanjung ke Sarawak bagi mengatasi permasalahan ini.

(b) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan anak-anak negeri Sarawak bagi mengikuti Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Ambilan Jun 2014 adalah seramai **5,292** calon. Jumlah yang layak dipanggil Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan menepati syarat asas ialah 1,713 orang calon. Bilangan yang lulus UKCG dan dipanggil untuk tapisan terakhir iaitu temu duga adalah 665 orang calon. Dari jumlah ini, seramai 398 calon telah berjaya ditawarkan pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG). Jika dibandingkan bilangan calon yang dipanggil temu duga dan bilangan calon yang berjaya menunjukkan **59.85 peratus calon anak Negeri Sarawak telah berjaya ditawarkan** kemasukan mengikuti pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2014 di IPG KPM.

Calon keseluruhan bumiputera yang ditawarkan mengikuti PISMP Ambilan 2014 adalah seramai 261 orang iaitu 65.57 peratus. Manakala bilangan bukan bumiputera yang ditawarkan adalah seramai 137 orang iaitu 34.42 peratus.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah benar Kerajaan Negeri Sarawak telah memberi persetujuan supaya mewujudkan sekolah Indonesia di Sarawak; dan
- (b) jika benar, nyatakan bagaimana persetujuan itu dibuat.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kerajaan Negeri Sarawak telah memberikan persetujuan bagi penubuhan pusat bimbingan komuniti (*Community Learning Center - CLC*) di Sarawak berlandaskan dasar semasa kerajaan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (b) Persetujuan tersebut diperoleh melalui perbincangan antara YAB Perdana Menteri dengan YAB Ketua Menteri Sarawak semasa Lawatan Negara Presiden Republik Indonesia ke Malaysia pada 5 hingga 7 Februari 2015.

RT45/578

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar minoriti Bumiputera Sarawak yang diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) secara terperinci daripada segi suku etnik seperti Iban, Bidayuh, Melanau dan Orang Ulu setiap tahun bagi lima tahun yang lepas.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan kemasukan pelajar institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) warganegara bertaraf bumiputera Sarawak ialah **3,801** orang (2012), **4,296** orang (2013), **4,047** orang (Oktober 2014). Bumiputera Sarawak diwakili oleh lebih **40** etnik termasuk Iban, Bidayuh, Melanau dan Orang Ulu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG
[MIRI]**

SOALAN :

YB Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) senarai projek PR1MA dan jumlah rumah yang sudah siap dibina mengikut negeri sehingga tahun 2014 ; dan
- (b) jumlah rumah yang sudah dimiliki sehingga tahun 2014.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 119,933 unit rumah untuk dibina di seluruh negara. Jumlah unit pembangunan ini sentiasa berubah dan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA diadakan.

PR1MA juga sedang melaksanakan pembinaannya yang meliputi pelbagai tempat strategik di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, PR1MA telah menerima kelulusan bagi Perintah Pembangunan untuk membangunkan 32 projek yang melibatkan 28,363 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,308 unit rumah sedang dalam pembinaan yang terdiri daripada lapan (8) buah projek. Sekiranya lebih banyak Perintah Pembangunan diluluskan, maka lebih banyak projek rumah PR1MA akan memulakan kerja-kerja pembangunannya. Antara projek-projek yang berada dalam pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Perak dan Negeri Sembilan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini sebanyak 761 unit rumah PR1MA telah selesai menjalani proses undian terbuka kepada pemohon. Projek-projek tersebut ialah projek Nusantara Prima di Nusajaya Johor sebanyak 201 unit dan projek PR1MA di Presint 11, Putrajaya sebanyak 560 unit.

Pada 7 Mac 2015 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyerahkan secara rasmi replika kunci kepada pemilik rumah PR1MA Presint 11 Putrajaya.

Sekian. Terima kasih.